# Lumpuh Bukan Penghalang Untuk Hadir Terima Diploma

Kuantan, 19 Nov- Kegigihan seorang pesakit angin ahmar untuk hadir menerima segulung Diploma pada Majlis Konvokesyen ke 12 Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam, meruntun hati orang ramai.

Graduan Haridass a/l Annandi, 36, menerima Diploma Profesional Pengurusan Perladangan dan Teknologi dari Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim sambil ditemani isterinya Pratibah a/p Supramaniam, 35.

Haridass  yang berasal dari Air Tawar, Perak, diserang angin ahmar akibat kemalangan jalan raya beberapa bulan lalu menyebabkan beliau  lumpuh separuh badan dan tidak mampu untuk berkomunikasi dengan sempurna.

Menurut Pratibah, suaminya itu berazam untuk menghadiri Majlis Konvokesyen ini biarpun dirinya serba kekurangan kerana mahu menjadi tauladan kepada anak-anaknya dan sebagai hadiah kepada dirinya selepas berhempas pulas melanjutkan pelajaran selama tiga tahun.

"Suami saya bekerja sebagai Pegawai Perladangan di salah sebuah syarikat perladangan di Air Tawar, Perak selama 15 tahun.

"Beliau seorang yang berjiwa besar dan rajin biarpun terpaksa mengambil Diploma pada usia yang sudah agak lanjut. Beliau bertegas menghadiri kelas yang dianjurkan UMP Advance Education setiap dua minggu sekali di Manjung, Perak.

"Semangat dan kegigihan beliau menjadi sumber inspirasi kepada kami sekeluarga dan sememangnya kami berbangga mempunyai ketua keluarga yang sangat positif mengharungi ujian hidup," katanya, di sini.

Dalam pada itu, seorang lagu graduan Diploma Profesional Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan, Shariza Harun yang mengidap SLE juga gigih hadir untuk meraikan kejayaan bergraduasi dalam Majlis Konvokesyen UMP Kali ke-12 pada sidang keempat yang menyaksikan seramai 685 graduan menerima skrol daripada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Mereka adalah sebahagian daripada 2845 graduan UMP yang menerima ijazah dan diploma masing-masing bersempena dalam Majlis Konvokesyen UMP kali ke-12 yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari mulai 18 hingga 20 November ini di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

**Disediakan oleh Shalfarina Shahriman dari Penerbit UMP dan gambar oleh Mustakim, FSKKP.**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 20-11-2017, 14:32:49